

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2004/2005**

Oktober 2004

HST 223 – Kepulauan Asia Tenggara

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.**

Jawab **EMPAT soalan sahaja.**

1. Bandingkan dasar Sepanyol di Kepulauan Filipina dan dasar Portugis dan Belanda di Kepulauan Melayu pada abad yang ke-16.
2. Bandingkan dasar ekonomi Jose Basco Vargas di Kepulauan Filipina dan dasar ekonomi Johannes van den Bosch di Kepulauan Hindia Timur Belanda.
3. "Gerakan Propaganda Filipina (1872-1892) tidak boleh dianggap sebagai sebuah pergerakan nasionalis jika dibandingkan dengan Katipunan" (Renato Constantino). Bincangkan.
4. "Amerika Syarikat terpaksa mengambil alih Kepulauan Filipina daripada Sepanyol demi kepentingan kaum pribumi di sana" (President William McKinley, 1900). Bahaskan kenyataan ini.
5. "Dasar Etika dirancang untuk memelihara kepentingan dan kebajikan kaum pribumi di Kepulauan Hindia Timur Belanda dan dalam matlamat ini kita telah berjaya" (Prof. Gerbrandy). Sejauh manakah anda setuju?
6. "Sarekat Islam merupakan sebuah pergerakan sosial yang cuba menjelma sebagai sebuah parti politik" (von de Mehdén). Bahaskan.
7. Pendudukan Jepun memperkukuhkan perjuangan bangsa Indonesia untuk mencapai kemerdekaan manakala di Filipina, ia melambatkan kemerdekaan Negara Filipina. Bahaskan.
8. Kedua-dua negara Filipina dan Indonesia memang tidak bersiap sedia untuk diberi kemerdekaan kerana pemimpin-pemimpin mereka tidak mempunyai kecekapan untuk mengendalikan negara (Allen Foster Dulles – Ketua CIA). Sejauh manakah anda bersetuju dengan kenyataan Allen Foster Dulles?